

Perlindungan Keselamatan Sosial kepada Pekerja Domestik

- Bermula 1 Jun 2021, majikan wajib mendaftarkan pekerja domestik yang digajikan dengan PERKESO bagi memastikan mereka dilindungi apabila berlaku sebarang kemalangan atau kejadian tidak diingini semasa melakukan pekerjaan.
- Kegagalan berbuat demikian adalah kesalahan di bawah Akta 4 dan sekiranya disabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman denda sehingga RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh sehingga 2 tahun atau kedua-duanya sekali.



Contoh Pekerja Domestik



Pembantu rumah



Tukang kebun



Pengawal peribadi



Penjaga orang tua



Pemandu peribadi



Tukang masak



Pengawal keselamatan



Pengasuh bayi / kanak-kanak

*Senarai sebagai panduan umum sahaja dan bukan menyeluruh.

Syarat Kelayakan

Pekerja Domestik Tempatan

- ✓ Pekerja warganegara / Pemastautin Tetap / Pemastautin Sementara
- ✓ Digajikan oleh majikan warganegara / Pemastautin Tetap / Pemastautin Sementara atau majikan warganegara asing

Pekerja Domestik Asing

- ✓ Pekerja domestik asing yang mempunyai pasport serta memiliki pas kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia
- ✓ Digajikan oleh majikan warganegara / Pemastautin Tetap / Pemastautin Sementara

Jenis Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Untuk Pekerja Domestik

Akta / Pekerja Domestik		AKTA 4 Skim Bencana Pekerjaan	AKTA 4 Skim Keilatan	AKTA 800 Sistem Insurans Pekerjaan
Pekerja Domestik Tempatan (Warganegara, Pemastautin Tetap, Pemastautin Sementara)		✓	✓	✓
Pekerja Domestik Asing		✓	✗	✗
Kadar Caruman	Majikan	1.25%	0.5%	0.2%
	Pekerja Domestik	-	0.5%	0.2%

Cara Pembayaran

- Bayaran secara bulanan (*post-paid*)
ATAU
- Bayaran pendahuluan untuk tempoh 12 bulan melalui aplikasi 'Prihatin' (Google Play Store / App Store)



Cara Pendaftaran

- Majikan perlu mengemukakan Borang Pendaftaran ID Portal ke emel:

idportal@perkeso.gov.my

- Selepas mengakses portal ASSIST, majikan hendaklah membuat pendaftaran majikan dan pekerja melalui portal tersebut dengan memuat naik dokumen sokongan berikut:

Bagi Pendaftaran di bawah Akta 4

- Borang 1 (Borang Pendaftaran Majikan)
- Borang Pendaftaran Pekerja Domestik
- Salinan Kad Pengenalan / Pasport terkini Majikan
- Salinan Kad Pengenalan / Pasport terkini Pekerja Domestik
- Salinan Pas Kerja (pekerja domestik asing sahaja)

- Selain kaedah dalam talian, pendaftaran majikan dan pekerja domestik juga boleh dibuat melalui Pejabat PERKESO

Bagi Pendaftaran di bawah Akta 800 (jika berkaitan)

- Borang SIP 1 (Borang Pendaftaran Majikan)
- Borang SIP 2 (Borang Pendaftaran Pekerja)

Faedah yang Disediakan

Skim Bencana Pekerjaan

- Faedah Perubatan
- Faedah Hilang Upaya Sementara
- Faedah Hilang Upaya Kekal
- Faedah Orang Tanggungan
- Elaun Layanan Sentiasa
- Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional / Return to Work (RTW) / Dialisis
- Faedah Pengurusan Mayat
- Faedah Pendidikan

Skim Keilatan

- Pencen Ilat
- Bantuan Ilat
- Pencen Penakat
- Elaun Layanan Sentiasa
- Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional / Dialisis
- Faedah Pengurusan Mayat
- Faedah Pendidikan

Nota:

*Kemudahan pemulihan vokasional, Return to Work (RTW), Dialisis dan Faedah Pendidikan tidak terpakai untuk pekerja domestik asing.

Sistem Insurans Pekerjaan

- Elaun Mencari Pekerjaan
- Elaun Pendapatan Berkurangan
- Elaun Bekerja Semula Awal
- Fi Latihan
- Elaun Latihan
- Penempatan Pekerjaan